



Hoki Terbuka UPSI 2008 (Bitara)

Oleh ; Mohd Hafeez bin Nordin

Pada 24 hingga 26 oktober yang lalu pasukan Hoki Pelajar dan Staf UniMAP telah menyertai kejohanan **“UPSI INDOOR HOCKEY OPEN 2008”** yang bertempat di **UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**. Kejohanan ini adalah merupakan kejohanan Hoki Dewan yang dianjurkan oleh persatuan Hoki UPSI dan Persatuan Hoki Negeri Perak. Seramai 21 orang pemain dari kalangan pelajar dan 16 orang pemain di kalangan Staf telah mengambil bahagian pada kali ini. Para pelajar telah bermain pada kategori terbuka IPTA Lelaki dimana seramai 36 pasukan telah mengambil bahagian dalam kejohanan ini di mana setiap IPTA dan IPTS telah dijemput dan menyertai kejohanan ini. Manakala pasukan Hoki Staf UniMAP pula telah menyertai bagi kategori terbuka lelaki dimana pada penyertaan kali ini adalah sebanyak 28 pasukan yang bertanding dan kebanyakannya adalah pasukan elit dari seluruh Negeri Perak. Pencapaian pada kali ini pasukan pelajar UniMAP telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu UniMAP A dan berada bersama-sama kumpulan UniTEN, UPSI C, UTEM A. MMU Melaka manakala pasukan UniMAP B diletakkan bersama-sama kumpulan UteM B, MMU Kuala Lumpur, UPSI A dan Matrikulasi Pahang. Pencapaian pada penyertaan kali ini amatlah baik pada tahun berikutnya dimana kedua-dua pasukan pelajar hanya layak memasuki peringkat suku akhir iaitu UniMAP B dan UniMAP A pada suku akhir sahaja. Bagi pasukan staf pula pasukan Hoki staf UniMAP telah menghantar 2 pasukan iaitu UniMAP C dan UniMAP D dimana pasukan UniMAP C diletakkan bersama-sama pasukan Pilihan UPSI, Politeknik Pahang, Felda Trolak, Perak Old Boys dan pasukan Yeop Perak. Manakala pasukan UniMAP D Pula diletakkan bersama sama pasukan Kubang Kerian Team, PMP Pelapis Muda Perak, Projek Tunas Perak, dan UPSI. Pada kejohanan ini pasukan UniMAP C hanya dapat melepasi peringkat separuh akhir dan pasukan UniMAP D telah mendapat tempat ketiga pada kejohanan kali in dan seterusnya membawa pulang pingat gangsa dan juga wang tunai berjumlah RM 350.00. Pasukan ini ketua oleh En Hirwan Jasbir Jaafar selaku pengurus pasukan pada kali ini.